

Perjanjian CFA perkasa MyGovCloud

Sasarkan 80 peratus penggunaan storan Pengkomputeran Awam merentas sektor awam pada tahun ini

Oleh TUAN BUJHAIHAH
TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Perjanjian Kontrak Berpasang Pengkomputeran Awam (CFA) yang dirometer kerajaan dan syarikat penyedia perkhidmatan awan (CSP) serta penyedia perkhidmatan terurusan (MSP) bertujuan memperkasakan MyGovCloud.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, inisiatif MyGovCloud seiring dengan Inisiatif Kelima di bawah Teras Satu Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital

Malaysia (MyDigital) yang menyasarkan 80 peratus penggunaan storan Pengkomputeran Awam merentas sektor awam pada tahun ini.

"Inisiatif ini diyakini dapat melahirkan lebih ramai pakar pengkomputeran awan menerusi latihan berterusan dan program penjijilan yang disediakan oleh CSP serta MSP," katanya dalam kenyataan selepas menyaksikan Pertukaran Dokumen CFA di sini pada Isnin.

Menurutnya, perlakuanan CSP dan MSP itu dijangka membuka potensi pelaburan dalam negara bernilai RM12 bilion hingga RM15 bilion menjelang 2025.

"Pelaburan ini akan menjadi tulang belakang kepada pembentukan sebuah ekosistem digital yang mapan untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang lestari, sekali gus bakal menjadikan Malaysia sebagai hab digital utama di rantau ASEAN," katanya.



Ismail Sabri (tengah) menyaksikan pertukaran dokumen Perjanjian Persefahaman (MoU) antara Ketua Pengarah MAMPU, Datuk Seri Dr Yusof Ismail (dua dari kiri) dengan Ketua Pegawai Eksekutif Telekom Malaysia, Imri Mokhtar (dua dari kanan) pada Majlis Pertukaran Dokumen CFA di Putrajaya pada Isnin. Hadir sama, Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafraful Tengku Abdul Aziz (kiri) dan Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Mohd Zuki Ali.

Beliau berkata, kontrak CFA melibatkan empat syarikat CSP iaitu Amazon Web Services Malaysia Sdn Bhd, Google Cloud Malaysia Sdn Bhd, Microsoft (Malaysia) Sdn Bhd dan Telekom Malaysia Berhad.

Empat syarikat MSP pula terdiri daripada Cloud Connect Sdn Bhd, Entrasys Solutions Sdn Bhd, Radmik Solutions Sdn Bhd dan Awantes System Sdn Bhd.

"Inisiatif ini juga dapat meningkatkan kompetensi dan ke-

upuan penjawat awam seiring dengan keperluan serta teknologi semasa," katanya.

Menurut Ismail Sabri, melalui pelaksanaan CFA, agensi sektor awam akan dapat menikmati perkhidmatan Cloud yang lebih baik, cepat, cekap dan bersasar pada harga yang kompetitif menerusi tawaran diskon pokal oleh CSP serta MSP.

"Secara keseluruhan, perjanjian CFA ini satu inovasi dalam perolehan perkhidmatan Cloud di semua agensi sektor awam, seiring dengan pengukuran fungsi dan peranan Unit Permoden dan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) pada masa hadapan."

"Dengan termeterai perjanjian ini, saya berharap lebih banyak manfaat bakal dinikmati rakyat secara amnya dan seluruh agensi sektor awam khasnya, bagi merancakkan pembangunan teknologi serta ekonomi digital kepada seluruh Keluarga Malaysia," ujar beliau.